Ketidakadilan Perjanjian Kewangan IMF: Kesan Ke Atas Negara-negara Anggota OIC

(Unfairness of the International Monetary Fund Agreement : Effect on OIC members)

SALAWATI MAT BASIR

ABSTRAK

Dengan hampir kesemua negara-negara anggota OIC merupakan negara berpendapatan rendah atau negara berpendapatan sederhana, masalah kewangan terus menjadi satu halangan yang serius terhadap segala usaha-usaha pembangunan dan perkembangan ekonomi. Sebagai jalan penyelesaiannya, negara-negara anggota OIC meminta bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Dunia (IMF). IMF, dengan kerjasama Bank Dunia, menyediakan bantuan kewangan kepada negara-negara yang memerlukan tetapi mengenakan ideologi ekonomi bercorak neoliberal atau meletakkan agenda tertentu sebagai syarat asas penerimaan wang bantuan tersebut. Kajian ini bertujuan membuktikan impak negatif syarat-syarat asas ini ke atas negara-negara anggota OIC melalui program penyesuaian struktural. Kedua, kajian ini membincangkan program penghapusan hutang oleh IMF dan implikasinya terhadap negara-negara anggota OIC terutamanya yang berstatus miskin serta berat beban hutang (HIPCs). Ketiga, kajian ini juga meninjau bagaimana IMF mengarahkan negara-negara OIC untuk menyandarkan matawang mereka ke atas dolar Amerika dan ini memudahkan aktiviti-aktiviti spekulasi matawang dilakukan. Akhirnya, penulisan ini mendedahkan bagaimana ketidakadilan perjanjian kewangan IMF ini tidak menguntungkan negara-negara anggota OIC dan umat Islam di serata dunia serta mengapa tindakan drastik harus diambil oleh OIC bagi menangani situasi ini.

Katakunci: *tabung kewangan dunia; perjanjian kewangan IMF; negara-negara anggota OIC; ketidakadilan; bantuan kewangan.*

ABSTRACT

For almost all of the OIC member states, being either low or middle-income economies, financial problem is a serious obstacle to their development efforts and economic growth. As a solution, they seek the financial assistance from the International Monetary Fund (IMF).The IMF, in cooperation with the World Bank, provide financial assistance to them, but apply a neoliberal economic ideology as a precondition to receiving the assistance. This article attempts to show the negative impacts of these preconditions on the OIC member countries. Secondly, it presents a discussion of the IMF's debt relief program and its implications on the OIC member countries, particularly for the OIC-Heavily Indebted Poor Countries (HIPCs). Thirdly, it explores how the IMF has directed the OIC member countries to peg their currency on the US dollar and thereby open them widely to speculative activities. Finally, this article unveils how the unfairness of the IMF financial agreement affects the OIC member countries and the Muslims around the world and why the OIC must take drastic actions to overcome these situations.

Keywords: *international monetary fund; articles of agreement of the IMF; OIC member states; injustice; financial assistance.*

PENGENALAN

Sistem ekonomi yang diamalkan dan kekayaan yang diperolehi oleh sesebuah negara hasil daripada pengurusan ekonomi yang cekap adalah asas tunjang kepada proses kemajuan dan menjadi kayu ukur pencapaian sesebuah negara dan taraf hidup rakyatnya.[1] Walau bagaimanapun, untuk mencapai taraf kemajuan yang menyumbang kepada kepentingan kehidupan manusia bukanlah suatu perkara yang mudah. Hal ini menjadi lebih sulit lagi apabila sistem neo-liberal yang diamalkan masih mengekalkan kuasa-kuasa besar sebagai pengaruh yang mendominasi corak pembaharuan dunia baik dari segi kegiatan ekonomi, perhubungan matawang dan kewangan hinggalah kepada persoalan politik dan sosial negara-negara dunia ketiga termasuklah negara-negara anggota OIC.

Lebih malang lagi, tidak ada satu pun negara-negara anggota OIC yang menduduki senarai negara-negara maju, malah sebahagiannya berstatus negara miskin dan paling kurang membangun.[2] Justeru itu, negara-negara anggota OIC seringkali dihimpit kekangan kewangan lantaran prospek ekonomi yang tidak memberangsangkan dan tidak begitu berjaya untuk bersaing di arena global. Oleh yang demikian, kebanyakan negara-negara anggota OIC memilih untuk memohon bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi tujuan pengeluaran dan pinjaman bagi mengatasi masalah ekonomi yang mereka hadapi.

Malangnya, tanpa disedari peraturan-peraturan Perjanjian Kewangan IMF pula lebih bersifat menindas negara-negara yang meminjam daripadanya. Oleh itu, artikel ini ditulis untuk memperlihatkan betapa seriusnya kesan yang dihadapi oleh negara-negara anggota OIC akibat bergantung kepada IMF dalam persoalan bantuan kewangan untuk negara mereka.

Artikel ini akan membincangkan dengan lebar bagaimana Kaedah Penyesuaian Struktural yang melibatkan persyaratan (*conditionality*) sebagai syarat bantuan membawa kesan negatif kepada negara-negara anggota OIC yang terlibat. Di samping itu, persoalan hutang dan penghapusan hutang yang dijanjikan oleh IMF juga akan diperjelaskan kerana pakej itu sehingga kini masih di tahap 'indah khabar dari rupa' dan semakin menghimpit negara-negara anggota OIC yang terlibat dengan hutang yang banyak kepada IMF. Lebih buruk lagi, peraturan kewangan IMF yang sedia ada juga membuatkan negara-negara anggota OIC terus bergantung kepada nilai dolar untuk tujuan sandaran nilai matawang mereka dan turut membuka peluang luas kepada tujuan spekulasi matawang yang akhirnya tidak menguntungkan negara-negara anggota OIC dan umat Islam.

KAEDAH PENYESUAIAN STRUKTURAL *(STRUCTURAL ADJUSTMENT)*

Terdapat beberapa peraturan dan perundangan di dalam perjanjian kewangan IMF yang bersifat tidak adil terhadap negara-negara membangun dan miskin OIC. Di antara yang penting

---

[1] DFID, *Eliminating World Poverty: Making Globalisation Work for the Poor*, Department for International Development.

[2] United Nations Conference on Trade and Development, *The Least Developed Countries Report 2007*,UNCTAD Geneva, 2007.

untuk dibincangkan dengan lebar ialah kaedah penyesuaian struktural yang melibatkan persyaratan (*conditionality*). Salah satu fungsi utama IMF ialah untukmengembalikan keyakinan para pelabur dan pengguna terhadap negara-negara yang berhadapan dengan ketidakseimbangan ekonomi makro melalui pendekatan kaedah penyesuaian struktural.[3] Ini jelas terserlah melalui Artikel 1, Artikel Perjanjian IMF yang merujuk kepada peranan IMF;

> *"To give confidence to members by making the Fund's resource temporarily available to them under adequate safeguards, thus providing them with opportunity to correct maladjustments in their balance of payments without resorting to measures destructive of national or international prosperity."*

Rasional di sebalik perkara ini ialah untuk membolehkan program sementara IMF memberikan nafas lega kepada negara-negara yang sedang berhadapan dengan ketidakseimbangan ekonomi makro tanpa perlu beralih kepada tindakan-tindakan drastik yang boleh memudaratkan prospek ekonomi dan pembangunan jangka panjang negara-negara terbabit. Namun begitu, rekod IMF berkenaan program kaedah penyesuaian struktural ini telah menjadi perdebatan ramai semenjak tahun 1980an lagi.[4] Mengikut pandangan beberapa orang pakar termasuk kajian dalaman IMF sendiri telah membuktikan bahawa negara-negara yang mengikut program kaedah penyesuaian struktural ini telah ketinggalan pendapatan per kapita mereka berbanding dengan negara-negara yang tidak mengikuti program ini.[5]

Di sebalik dakwaan oleh Jabatan Penilaian Operasi IMF pada akhir 1990an yang mendakwa IMF telah mencapai kejayaan menerusi program ini nampaknya tidak berjaya membuatkan pengkritik bebas menerima dakwaan itu dengan senang hati.[6] Malah laporan kontroversi *Meltzer Commission Paper* yang dibentangkan oleh *US Congress*

---

[3] Ariel Buira, *An Analysis of IMF Conditionality*,G24 Discussion Paper Series, UNCTAD & Center For International Development Harvard University, New York ,Ogos 2003, hlm. 3.

[4] UN Economic Commission for Africa, *African Alternatives Framework to Structural Adjustment*, UN A/RES/44/24, 17 November, 1989, hlm 3.*The World Bank was oblivious to the social costs of adjustment: increased poverty and unemployment: debt service obligations have become unbearable...starvation and malnutrition, abject poverty and external dependence have worsened, while other structural weakness and deficiencies of the African economies have intensified.*

[5] Patrick Imam, *Effect of IMF Structural Adjustment Programs on Expectations: The Case of Transition Economies*, IMF Working Paper, WP/07/261, Geneva, 2007, hlm 26. Robert J.Barro dan Jong-Wha Lee, *Who is Chosen and What Are the Effects?* NBER Working Paper No.8951, April 2005, hlm 1.*Based on a panel of all 725 IMF loans between 1970 and 2000 concludes that "the typical country would be better off economically if it committed itself not to be involved with IMF loan programs"*. Jeffry Sachs, *Conditionality, Debt Relief and the Developing Country Debt Crisis*, Developing Country Debt and Economic Performance I: The International Financial System, University of Chicago Press, Chicago,1989, hlm 279.*"The post-war history of stabilisation, liberalisation and conditionality can make a pessimist of the most tenacious optimist. Few stabilization and liberalisation plans meet their initial objectives, and many fail miserably"*.

[6] IMF, *External Evaluation of the ESAF: Report by a Group of Independent Expert*, IMF, Geneva, 1998. OED, *World Bank Operations Evaluation Department, Development Effectiveness at the Bank: What is the Score?* 24 OED Reach 1, Spring 2000.

International Financial Institutions Advisory Committee mendakwa bahawa 55% hingga 60% operasi kewangan IMF-Bank Dunia adalah gagal.[7]

Di sebalik kritikan ini, program kaedah penyesuaian struktural dianggap oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sebagai satu program yang sangat berlainan kesannya terhadap hak asasi manusia di peringkat ekonomi dan politik. Kritikan ini perlu diambil kira kerana perlaksanaan kaedah ini telah banyak memberikan impak negatif terhadap faktor hak asasi manusia apabila dasar penswastaan dan liberalisasi terpaksa dibawa masuk sebagai syarat-syarat utama di bawah program ini.[8] Kritikan terhadap kegagalan program ini sememangnya berasas jika ditinjau kesannya terhadap umat Islam di negara-negara anggota OIC yang menggunakan kaedah ini. Rajah 1.1 di bawah menjadi bukti ketidakadilan terhadap jumlah persyaratan yang dikenakan oleh IMF terhadap negara-negara Islam yang miskin.

Rajah 1.1 Jumlah persyaratan yang dikenakan oleh IMF terhadap negara-negara miskin OIC

Negara	Dokumen Pinjaman	Tahun Pinjaman	Jumlah Persyaratan
Uganda	Kredit sokongan pengurangan kemiskinan kali ke lima	2005	197
Senegal	Kredit sokongan pengurangan kemiskinan kali pertama	2005	77
Benin	Kredit pengurangan kemiskinan kali kedua	2005	60

[7] Meltzer Commission Report, International Financial Institutions Advisory Commission: Hearing before the Senate Committee on Foreign Relations, 106th Congress, 2000.[6] IMF, *External Evaluation of the ESAF: Report by a Group of Independent Expert*, IMF, Geneva, 1998. OED, *World Bank Operations Evaluation Department, Development Effectiveness at the Bank: What is the Score?* 24 OED Reach 1, Spring 2000.

[8] Danilo Turk,*The Realisation of Economic, Social and Cultural Rights*, Special Rapporteur, Submission for the Prevention of Discrimination and Protection of Minorities, 49th Session UN.Doc.E/CN.4/Sub.2/1992/16, 1992, hlm 15. M Elahi,' The Impact of Financial Institutions on the Realisation of Human Rights: Case Study of the International Monetary Fund in Chile', 6 *Boston College Third World Law Journal*, 143, 1986, hlm 155. Adjustment policies "massively violate" the rights contained in the UDHR and ICESCR and widen the gap between rich and poor.

Mozambique	Kredit sokongan pengurangan kemiskinan kali kedua	2005	59
Madagascar	Perlaksanaan sokongan pengurangan kemiskinan kali kedua	2005	57
Niger	Pembaharuan kredit perbelanjaan awam	2005	54
Burkina Faso	Perlaksanaan sokongan pengurangan kemiskinan kali kelima	2005	54
Bangladesh	Perkembangan sokongan kredit III	2005	53
Mali	Kredit pengurusan kewangan awam	2005	50

Sumber: *World Bank and IMF Conditionality: A Development Unjustice*, Eurodad, Brussels, 2006, hlm 8.

Menyentuh perkara ini, Uganda misalnya telah membuktikan bahawa program ini tidak dapat memulihkan ekonominya yang merudum, sebaliknya telah menjadikan rakyat Uganda tidak memperolehi sebarang keuntungan daripada program tersebut.[9] Ini kerana dua syarat yang dikenakan kepada Uganda di bawah program ini ialah liberalisasi perdagangan dan dasar penswastaan. Sebagaimana yang diketahui liberalisasi perdagangan jelas menguntungkan negara-negara maju apabila program ini telah jumlah penanaman kopi di Uganda yang menjadi sumber pencarian para petani luar Bandar. Ini berlaku gara-gara lambakan kopi luar ke Uganda dengan harga yang murah menyebabkan kopi keluaran Uganda tidak dapat dijual serta mengalami kejatuhan harga.[10]

[9] J Oloka-Onyango, 'Poverty, Human Rights and the Quest for Sustainable Human Development in Structurally-Adjusted Uganda', 18(1) *Netherlands Quarterly of Human Rights*, 2000, hlm. 25.
[10] Robert Naiman dan Neil Watkins, *A Survey of the Impacts of IMF Structural Adjustment in Africa: Growth, Social Spending and Debt Relief*, Center for Economic and Policy Research, Washington DC, 2000, hlm. 17.

IMF juga meletakkan syarat penswastaan terhadap industri milik negara, satu proses yang mendapat kecaman hebat di sana. Malah laporan yang dibuat oleh badan bukan kerajaan yang terlibat sama dengan *The Structural Adjustment Participatory Review International Network (SAPRIN)*, Bank Dunia dan kerajaan Uganda telah mendapati bahawa proses penswastaan di Uganda telah menguntungkan kerajaan dan pihak korporat yang berkepentingan lebih daripada keperluan dan hak rakyat Uganda sendiri.[11] Perkara ini terjadi kerana proses penswastaan berlaku terlalu cepat dan hasilnya ramai pekerja yang menderita apabila lebih 350,000 orang telah diberhentikan kerja akibat penstrukturan semula organisasi yang terlibat dengan dasar penswastaan tersebut. Pada masa yang sama sektor pekerjaan lain tidak berkembang dengan pesat dan ini telah membuatkan kadar pengangguran menjadi lebih tinggi. Lebih malang lagi, mereka yang kehilangan pekerjaan tidak pula bersedia dengan situasi ini di samping tidak mempunyai kemahiran tertentu yang lain.[12] Pemerhatian *SAPRIN* juga mendapati selama Uganda terikat dengan peraturan kaedah penyesuaian struktural ini, pembiayaan bidang kesihatan dan pendidikan telah terjejas dan menyebabkan mereka yang tidak mampu terpaksa membayar bil rawatan dan yuran pendidikan.[13]

Kebanyakan negara yang terlibat dalam program ini datang kepada IMF dengan keadaan yang parah. Mereka mengharapkan prospek IMF sebagai ubat dan juga sebagai jalan terakhir setelah gagal mencuba pelbagai cara dan alternatif untuk mendapatkan bantuan kewangan. Dalam situasi ini, syarat-syarat IMF pula pelbagai serta menekan negara-negara peminjam. Ini menjadikan ubat yang diberikan menjadi sangat pahit sehingga melambatkan tindakan merawat serta menyusutkan prospek untuk pertolongan yang konstruktif. Malah, Feldstein menggambarkan program penyesuaian struktural seperti berikut:

> *"The tough IMF program conditions make it difficult to get a country to work with the IMF until it is absolutely necessary. The IMF appears like the painful dentist of the old days: just as patients postponed visits until their teeth had to be pulled, the countries with problems wait too long to seek technical advice and modest amounts of financial help."*[14]

Manakala pengkritik terkemuka Curtis pula menghujahkan bahawa, *"...the quantitative data available on the impact of structural adjustment programs provides a restricted view*

---

[11] H Krugmann, 'Overcoming Africa's Crisis: Adjusting Structural Adjustment Towards Sustainable Development in Africa', 21(3) *Third World Quarterly*, 2003, hlm. 451.

[12] SAPRI, *Organizing Civil Society to Review Structural Adjustment Policies*, Kampala, 2000, hlm. 17.

[13] Pinjaman yang diberikan pada tahun 2005 adalah pinjaman kali kelima di bawah Sokongan Kredit Pengurangan Kemiskinan.

[14] M Feldstein,' Refocusing IMF', *Foreign Affairs Journals* 77(2), 1998, hlm 20.

of the situation. In many developing countries, there are no reliable data, and available data do not assess the impact on people's lives or the despair that the program brings with them."[15]

Situasi yang menyerupai kenyataan di atas boleh dilihat dengan jelas terhadap apa yang berlaku di Indonesia, negara yang mempunyai jumlah umat Islam tertinggi di dunia. Seawal krisis kewangan berlaku di Asia pada pertengahan 1990an, Indonesia mengambil langkah memohon bantuan IMF, maka pengarah OXFAM pada ketika itu, Carol Bellamy telah memberi amaran kepada kerajaan Indonesia yang mereka akan berhadapan dengan risiko 'kehilangan generasi Indonesia.'[16] Ini dapat dilihat apabila ramai sekali kanak-kanak Indonesia terpaksa meninggalkan sekolah dan menolong keluarga menambah pendapatan. Mereka ini terdedah kepada eksploitasi sebagai buruh kanak-kanak, penindasan hak sebagai seorang manusia dan terdedah kepada pelbagai kegiatan jenayah.

Ini berlaku kerana apabila IMF memberikan bantuan kewangan kepada Indonesia, ia mengenakan syarat-syarat yang menyebabkan Indonesia terpaksa memotong peruntukan kepada petani dan golongan miskin, mengurangkan jumlah kakitangan kerajaan dan menjual aset negara kepada pelabur asing.[17] Ini adalah kerana program ini kononnya, akan membuatkan Indonesia lebih menjadi tumpuan pelabur-pelabur asing. Namun hasilnya, syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Indonesia meraih keuntungan berganda, manakala rakyat Indonesia menghadapi kemiskinan yang parah dan kadar pengangguran yang sangat tinggi.[18] Berdepan dengan permasalahan kemiskinan dan pengangguran, kenaikan harga barang dan bahan api tidak dapat dielakkan oleh pemerintah Indonesia disebabkan kejatuhan nilai rupiah Indonesia. Keadaan hidup rakyat menjadi huru-hara disebabkan program ini.[19]

Bagi rakyat Indonesia, keadaan yang amat payah dan kadar inflasi yang tinggi sudah cukup menderitakan mereka. Program ini hanya menambah derita sedia ada mereka.[20] Apa yang pasti, Indonesia akan mengambil masa yang panjang untuk bangun semula seperti di zaman kemuncak ekonominya dahulu.

Tidak hanya setakat di Uganda dan di Indonesia, kaedah penyusunan struktural yang melibatkan persyaratan ini meletakkan syarat yang dilihat sungguh tidak munasabah atau kadangkala seperti tidak boleh dilaksanakan oleh negara-negara anggota OIC berstatus miskin yang terlibat. Burkina Faso umpamanya yang mempunyai 10% penduduk

---

[15] E Curtis,'Limitations of Quantitative Research in the Study of Structural Adjustment', *Social Science Med*, 1998, hlm. 1624.

[16] OXFAM, *The IMF, Wrong Diagnosis, Wrong Medicine*, OXFAM Bulletin, 1998, hlm. 31.

[17] Morris Goldstein, IMF Structural Programs, *NBER Conference on Economic and Financial Crises in Emerging Market Economies*, Woodstock, Vermont, 19-21 Oktober, 2000, hlm. 56.

[18] Bernard Sanders, *The International Monetary Fund Is Hurting You*, Z Magazine, Ogos 1998, hlm. 2.

[19] James Lavinsohn, Steven Bery dan Jed Friedman, Impact of the Indonesian Economic Crisis: Price Changes and the Poor, *Research Seminar In International Economics*, School of Public Policy, The University of Michigan, Michigan, 22 Jun, 1999, hlm. 12.

[20] Poppele Jessica, Sudarno Sumarto dam Lant Pritchett, *Social Impacts of the Indonesian Crisis: New Data and Policy Implications*, A Background Note for the Consultative Group for Indonesia Update, World Bank, Washington DC, 1999, hlm. 5.

wanita penghidap HIV yang berumur di antara 15-24 tahun,[21] telah dipaksa untuk membeli perisian komputer dan melatih tenaga mahir bagi pengurusan prosedur perisian baru tersebut untuk tujuan perlaksanaan sistem pengiraan harta-harta kerajaan. Syarat ini mesti dipenuhi oleh Burkina Faso sebelum negara tersebut memperolehi bantuan kewangan daripada IMF dan Bank Dunia pada tahun 2005 yang lalu. Justifikasi mengapa IMF mengeluarkan arahan sedemikian adalah kerana IMF mahukan Kementerian Kewangan Burkina Faso mempunyai teknologi moden terkini dan tidak membuat sebarang kesilapan dalam pengagihan bantuan IMF yang diberikan kelak.[22]

Mali yang juga salah sebuah negara miskin di dalam keanggotaan OIC juga tidak terlepas berhadapan dengan syarat pelik IMF yang mahukan salah satu pejabat kementerian kerajaan Mali dipindahkan ke lokasi baru sebagai salah satu syarat kaedah penyesuaian struktural dengan arahan yang berbunyi *"Move the Land Management Unit to the CEO's Office"*[23] sedangkan Mali sehingga kini masih bergelut dengan masalah kemiskinan yang teruk di mana setiap 100 orang daripada 1000 orang kanak-kanak Mali mati sebelum mencecah usia 5 tahun disebabkan penyakit berjangkit, malaria dan kekurangan zat makanan.[24] Selain daripada kesemua syarat tersebut, IMF sangat menekankan syarat penswastaan terhadap negara-negara yang menerima kaedah ini. Rajah 1.2 menunjukkan bagaimana ianya menjadi syarat wajib dalam pinjaman.

Rajah 1.2 Penswastaan sebagai syarat dalam kaedah penyesuaian struktural

Negara	**Tarikh Dokumen Pinjaman**	**Tajuk Dokumen Pinjaman IMF**	**Syarat Penswastaan**
Bangladesh	1 Julai 2005	Semakan ketiga di bawah PRGF	Penswastaan Bank
Benin	1 Ogos 2005	Memohon penyusunan tiga tahun di bawah PRGF	Penswastaan bekalan elektrik, telekomunikasi, Ginneries (syarikat memproses kapas) dan pelabuhan

[21] World Bank, 2005: Millennium Development Goals,Burkina Faso. http://devdata.worldbank.org/idg/IDGProfile.asp?CCODE=BFA&CNAME=Burkina +Faso &SelectedCountry =BFA (17 Jun 2009).

[22] IMF,*Burkina Faso: 2005 Article IV Consultation, Fourth Review under the Poverty Reduction and Growth Facility Arrangement*, IMF Country Report No.05/354, September 2005, hlm. 19.

[23] Nuria Molina dan Javier Pereira, *Critical Conditions: The IMF maintains its grip on low-income government*, EURODAD, Brussels, April 2008, hlm. 17. IMF mengeluarkan arahan permindahan itu sebagai syarat program kerana mahukan Kementerian Pembangunan Tanah Mali berdekatan dengan Kementerian Kewangan agar dana yang disalurkan dapat diterima dengan cepat.

[24] UNICEF, 2007, Mali-Statistics of Infant Mortality. http://www.unicef.org/infobycountry/mali_statistics_html. (17 Jun 2009).

Mali	1 April 2004	Semakan kali keenam di bawah penyusunan tiga tahun PRGF	Penswastaan bank, pertanian dan telekomunikasi
Mozambique	1 Februari 2006	Semakan kali ketiga di bawah penyusunan tiga tahun PRGF	Penswastaan Sektor tenaga dan bahan api
Senegal	1 Mei 2004	Semakan kali pertama di bawah penyusunan tiga tahun PRGF	Penswastaan elektrik dan industri kacang tanah
Uganda	1 Februari	Semakan kali keenam di bawah penyusunan PRGF	Penswastaan khidmat perbankan

Sumber: Hetty Kovach dan Yasmina Lansman, *Categorising IMF and World Bank Conditionality*, European Network on Debt and Development, Brussels, Ogos 2006, hlm 27.

Melihatkan kepada syarat-syarat yang dikenakan di atas, sudah pasti kaedah ini hanya menyukarkan lagi proses pembangunan ekonomi di negara-negara anggota OIC terbabit. Apa yang pasti, negara-negara Islam yang terlibat bukan sahaja akan menghadapi kesukaran dalam mencorakkan semula ekonomi mereka bahkan kaedah ini sebenarnya sangat merugikan umat Islam yang sehingga kini masih mencari-cari arah keluar dari masalah beban ekonomi mereka.

BEBAN HUTANG DAN RETORIK PENGHAPUSAN HUTANG

Selain daripada peraturan kaedah penyesuaian struktural yang bermasalah, satu lagi dasar IMF yang turut memberikan kesan negatif kepada negara-negara anggota OIC terutamanya yang miskin ialah beban hutang dan retorik penghapusan hutang. Daripada sejumlah 57 negara-negara anggota OIC, 23 buah negara adalah negara-negara yang sangat terbeban dengan hutang, 15 buah negara adalah sederhana beban hutang, 13 buah negara adalah kurang hutang dan 6 buah negara bebas hutang.[25] Sememangnya disedari bahawa masalah hutang adalah masalah majoriti negara-negara anggota OIC terutama sekali di rantau sub-Sahara Afrika.

[25] Annual Economic Report on the OIC Countries 2005, *Journal of Economic Cooperation* 27-3, SESRTCIC, Ankara, 2006, hlm. 4.

Masalah hutang seperti ini sebenarnya menyekat negara-negara Islam dari terus berkembang pesat dan membangun. Malah disebabkan hutang negara yang serius ini menyebabkan umat Islam hidup melarat, menghadapi tekanan sosial yang melampau, ekonomi yang lemah dan berlakunya ketidakstabilan politik.[26] Rajah 1.3 di bawah memperlihatkan situasi negara-negara OIC mengikut tahap beban hutangnya.

Rajah 1.3 Tahap Beban Hutang Negara-Negara OIC

Kumpulan Pendapatan	**Negara Terbeban Hutang**	**Negara Sederhana Beban Hutang**	**Negara Kurang Hutang**	**Tidak Termasuk Dalam Senarai**
Berpendapatan Rendah	Afghanistan Benin Cameroon Cote d'Ivorie Guinea Guinea-Bissau Indonesia Rep. Kyrgyz Mali Mauritania Niger Nigeria Pakistan Sierra Leone Somalia Sudan Uganda	Bangladesh Burkina Faso Chad Gambia Mozambique Senegal Togo Turkmenistan Yemen	Azerbaijan Tajikistan	Uzbekistan
Berpendapatan Sederhana	Guyana Iraq Jordan Syria Gabon	Algeria Maghribi Tunisia Turki Lubnan Malaysia	Mesir Iran Kazakhstan Bahrain Oman Arab Saudi Maldives Surinam	Palestin

[26] El-Waleed A. Hamour, *The External Debt Situation of Sub-Saharan African Countries*, SESRTCIC, Ankara, Januari 2000, hlm. 7.

Berpendapatan Tinggi				Brunei Kuwait Qatar Emiriyah Arab Bersatu
Jumlah	23	15	13	6

Sumber: Annual Economic Report on the OIC Countries 2005, *Journal of Economic Cooperation*, 27-3, SESRTCIC, 2006, hlm 47.

Bermula seawal 1980an, IMF dan Bank Dunia mendakwa mereka adalah organisasi yang berjasa membantu negara-negara membangun dan miskin untuk keluar daripada bebanan hutang yang banyak. Namun begitu, realitinya semakin banyak negara yang dibantu masih berada di tahap yang sama, malah ada yang terus terjebak dengan penanggungan hutang yang semakin banyak. Lebih menyedihkan lagi, apabila semenjak sepuluh tahun kebelakangan ini melihatkan jarak dua kali ganda jauh di antara negara-negara kaya dengan negara-negara miskin.[27] Penghapusan hutang sebenarnya bukanlah percuma seperti yang digembar-gemburkan.[28] Selama sedekad yang lalu, penghapusan hutang dianggap membantu untuk mengembalikan pelaburan dan pembangunan di beberapa buah negara membangun yang berpendapatan sederhana yang menderita akibat daripada hutang yang tergantung. Namun sekarang ini, penghapusan hutang lebih dilihat untuk menolong negara-negara miskin disebabkan mereka menderita tidak hanya daripada hutang yang tergantung tetapi juga ketiadaan institusi ekonomi yang menyediakan asas kepada pelaburan dan pembangunan yang menguntungkan.[29]

---

[27] Rick Rowden, *Why "Debt Relief" Has Failed to Liberate Poor Countries*, The American Prospect Magazine, Summer 2005, hlm. 14. Susan George, The Global Citizens Movement: A New Actor For a New Politics, *Conference on Reshaping Globalisation: Multilateral Dialogues and New Policy Initiatives*, Central European University, Budapest, Hungary, 30 Ogos 2001, hlm 18. *"People who have worked on these issues for many years have frequently arrived at the conclusion that debt is not a financial or an economic problem at all but in every way a political one. It is the best instrument of power and control of North over South [and now East] ever invented; far superior to colonialism which requires an army, a public administration and attacks a bad press. Control through debt not only requires no infrastructure but actually makes people pay for their oppression.*

[28] Shalmali Guttal, Debt Relief under the Enhanced HIPC Initiative,*Forum on the Global South*, Chulalongkorn University, Bangkok, Oktober, 2003. hlm 43.*"The most glaring problem with Heavily Indebted Poor Country (HIPC) initiative for debt relief is that it will not provide lasting relief from debt for the highly indebted countries of the South. The HIPC process is aimed not at canceling debts, but at ensuring that they can be repaid. It has little to do with enhancing human development, reducing poverty, or even increasing economic growth in the debtor countries. Rather it is designed to massage debt figures down to a level where they would be deemed "sustainable" again according to the criteria of the IMF."*

[29] Peter Blair Henry, *Building on International Debt Relief Initiatives*,Di hadapan the Committee on Foreign Relations United States Senate, 110th Congress Second Session, Washington DC, 24 April 2008, hlm 5.

Pembayaran hutang daripada negara-negara miskin termasuklah negara-negara Islam kepada negara-negara kaya yang memberi pinjaman biasanya lebih banyak jumlahnya berbanding jumlah bantuan atau pelaburan asing yang mengalir dari negara-negara kaya kepada negara-negara miskin itu sendiri.[30] Untuk menyulitkan lagi situasi yang sedia ada, program penstrukturan semula yang seharusnya mengurangkan kemiskinan melalui slogan 'pasaran membawa kepada perkembangan ekonomi' dilihat tidak berjaya untuk memakmurkan 1/3 daripada ekonomi dunia dalam mencapai peningkatan ekonomi mahupun pengurangan kadar kemiskinan.[31]

Melihat kepada senario negara-negara anggota OIC, rata-rata negara Islam di Afrika sangat terbeban dengan masalah hutang mereka. Malah boleh diklasifikasikan sebagai kronik kerana hutang mereka meliputi hutang luar, hutang multilateral dan hutang awam.[32] Oleh itu, apabila diwujudkan program penghapusan hutang di bawah inisiatif antarabangsa yang dipanggil *Heavily Indebted Poor Countries (HICP)* pada September 1996, maka banyak negara-negara anggota OIC yang turut tersenarai di dalam program penghapusan hutang ini. Untuk memantapkan lagi pengurusan pemansuhan hutang, maka pada 1998 di bawah ikatan kerjasama IMF-Bank Dunia diwujudkan *HICP Initiative* dengan kesinambungannya oleh negara-negara G8 pada 1999 di bawah *Enhanced HICP Initiative*.[33]

Sekali imbas, semuanya kelihatan baik dan menarik kerana rangka kerja HICP menjanjikan pembatalan bahagian-bahagian tertentu hutang-hutang negara terbabit dalam jangka masa dua tahun hingga ke empat tahun. Dengan menjemput badan bukan kerajaan (NGOs) dan kumpulan pemikir untuk rundingcara bersama kerajaan mereka, IMF dan Bank Dunia akan sama-sama mendraf satu rangka pembaharuan ekonomi yang dianggap sebagai jalan keluar yang dipanggil "Kertas Strategi Pengurangan Kemiskinan." Tujuan strategi ini dibuat adalah untuk menilai semula perbelanjaan dengan pengkhususan kepada strategi pengurangan kemiskinan bagi melaksanakan terma hutang lama.[34]

Sungguhpun inisiatif HICP adalah untuk melupuskan hutang lama, namun dari segi praktikalnya nyata mengundang pelbagai persoalan dan kerisauan umum terhadap pelan ini. Ini adalah kerana pelan tersebut tidak menunjukkan arah tuju yang tepat siapakah badan bukan kerajaan yang boleh dilantik dan siapa sebenarnya yang boleh mengambil bahagian.[35] Terdapat banyak kelemahan dan kritikan terhadap inisiatif HICP ini dari segi

---

[30] Eric Toussaint, *The Third World Debt after Okinawa: The G-7 is unmasked!* Committee for the Abolition of Third World Debt, Liege, Belgium, Ogos 2000, hlm. 4.

[31] Walden Bello dan Shea Cunningham, *The World Bank & The IMF*, North South View, 2003, hlm 16.

[32] El-Waleed A.Hamid, Debt Restructuring In OIC Countries, *Journal of Economic Cooperation* 21,3 SESRTCIC, 2000, hlm. 59.

[33] IMF, 17 Januari, 2008, IMF Executive Board Modifies HICP Initiative, Public Information Notice (PIN) No.08/03,Washington DC, . http://www.imf.org/external/np/sec/pn/2008/pn0803.htm. (17 Jun 2009).

[34] World Bank, *Debt Relief For the Poorest: An Evaluation Update of the HIPC Initiative*, Executive Summary of World Bank, Washington DC, 2004, hlm 4.Susan George, *50 Years Is Enough*, South End Express, Boston, 2003, hlm. 56.

[35] Institute for Development Studies, *Poverty Reduction Strategies: A Part for the Poor?* Institute for Development Studies, UK, 2003, hlm. 19.

pemahaman, prosedur yang sukar dilaksanakan, syarat-syarat yang melampau, sekatan terhadap kelayakan, penghapusan jumlah hutang yang sedikit serta janji yang tidak tertunai dan jauh dari yang dijangkakan.[36] Apa yang menjadi masalahnya berkaitan HICP ini ialah jumlah hutang yang ingin dilupuskan itu tidak mencukupi untuk membebaskan negara-negara yang terbabit dalam program ini untuk tidak menanggung beban hutang di masa depan.[37] Ini kerana setakat Persidangan G8 di Britain pada 2005, kumpulan G8 hanya menaikkan bantuan berjumlah USD$20 bilion sahaja.[38] Berkenaan pelupusan hutang pula, rajah 1.4 di bawah ini memperlihatkan kedudukan negara-negara Islam di dalam program pelupusan hutang di bawah *HIPC Initiative.*

Rajah 1.4 Implimentasi Inisiatif HIPC (penyata setakat akhir Mac 2008)

Negara yang memenuhi syarat penamatan	**Tarikh keputusan**	**Tarikh penyelesaian**	**Jumlah komited pembayaran**	**Jumlah pembayaran**
Burkina Faso	Julai 2000	April 2002	USD44.2 juta	USD46 juta
Cameroon	Oktober 2000	April 2006	USD29 juta	USD34 juta
Gambia	Disember 2000	Disember 2007	USD2 juta	USD2 juta
Madagascar	Disember 2000	Oktober 2004	USD15 juta	USD16 juta
Mali	September 2000	Mac 2003	USD35 juta	USD49 juta
Mauritania	Februari 2000	Jun 2002	USD46.2 juta	USD38 juta
Mozambique	April 2000	September 2001	USD107.2 juta	USD108 juta

[36] Nancy Dubosse, *Lending Policies of the IMF: HIPC and Debt Relief in Africa*, African Forum and Network on Debt and Development (AFRODAD), Harare, Zimbabwe, 2006, hlm 8. UNCTAD, *Economic Development in Africa: Debt Sustainability, Oasis or Mirage?* UNCTAD, Geneva, 2004, hlm. 67

[37] IMF, 15 April 2005, Communique by the African Governors at the IMF, IMF Press Release No.05/88, Washington DC,. http://www.imf.org/external/np/sec/pr/2005/pr0588.htm. (17 Jun 2009).*Concerning the debt issue, the African Governors noted that countries that have reached the completion point are falling back into the debt trap due to external shocks, and that topping- up is becoming more common. They called for a framework that will allow for a complete write-off of external debt at the HICP process completion point, and for the Fund to support the G-7 consideration for a write-off of all debts of low income countries (LICs) to multilateral institutions.*

[38] World Bank, *Global Development Finance: The Globalization of Corporate Finance in Developing Countries*, World Bank, Washington DC, 2007, hlm 68. Martin Khor, *Mixed results of G8 summit*, Global Trends, The Star, Isnin 11 Julai, 2005, hlm. 30.

Niger	Disember 2000	April 2004	USD31 juta	USD34 juta
Senegal	Jun 2000	April 2004	USD34 juta	USD38 juta
Sierra Leone	Mac 2002	Disember 2006	USD100 juta	USD107 juta
Uganda	Februari 2000	Mei 2000	USD120.2 juta	USD122 juta
Negara yang sedang menanti penamatan				
Afghanistan	Julai 2007	Ditangguhkan	-	-
Chad	Mei 2001	Ditangguhkan	USD14 juta	USD9 juta
Guinea	Disember 2000	Ditangguhkan	USD24 juta	USD10 juta
Guinea-Bissau	Disember 2000	Ditangguhkan	USD9 juta	USD1 juta
Negara yang di pertimbangkan untuk penamatan				
Comoros	-	-	-	-
Cote d'Ivoire	-	-	-	-
Togo	-	-	-	-
Negara yang di berikan tunggakan lewat bayar				
Somalia	-	-	-	-
Sudan	-	-	-	-

Sumber: IMF,*Update on the Financing of the Fund's Concessional Assistance and Debt Relief to Low Income Member Countries*, IMF, New York, 11 April 2008, hlm 12.

Sumber: IMF,*Update on the Financing of the Fund's Concessional Assistance and Debt Relief to Low Income Member Countries*, IMF, New York, 11 April 2008, hlm 12.

Harus juga difahami bahawa hutang yang diterima untuk dilupuskan pula hanyalah sebahagian sahaja daripada hutang lapuk dengan hutang komersial tidak akan dihapuskan sama sekali.[39] Inisiatif HICP ini mempunyai matlamat untuk merendahkan kadar hutang setiap negara hingga ke tahap 37%.[40] Ianya juga bermatlamat untuk mencapai nisbah tertentu melalui hutang kepada eksport dengan lebihan beban hutang tetap akan ditanggung oleh negara tersebut. Sebanyak 22 buah negara telah melaksanakan matlamat ini dengan peratusan hutang sebanyak 31.2%,[41] tetapi kritikan pedas telah dilemparkan oleh dua badan antarabangsa bebas iaitu, *Drop the Debt* di Britain dan *Jubilee USA Network* yang menyatakan bahawa ini adalah tidak memadai kerana majoriti negara-negara terbabit akan terus membayar hutang mereka dengan banyaknya berbanding perbelanjaan yang dibuat untuk pendidikan dan kesihatan.[42]

Contoh retorik penghapusan beban hutang dilihat di negara-negara anggota OIC ialah di Cameroon, Benin dan Gambia. Cameroon contohnya dijangka akan berjaya menurunkan kadar 40% hutangnya dalam masa 5 tahun tanpa menyedari bahawa negara ini perlu membayar USD$280 juta setahun sepanjang tempoh masa tersebut. Jumlah ini jauh meninggalkan perbelanjaan Cameroon untuk pendidikan yang hanya berjumlah USD$239 juta dan perbelanjaan kesihatan hanya USD$87 juta.[43] Adalah dipercayai dengan Inisiatif HICP ini, perbelanjaan dua sektor terbabit akan terus menurun dalam jangka masa 20 ke 25 tahun akan datang. Sesungguhnya ini adalah jumlah yang tidak adil berbanding majoriti umat Islam di Cameroon yang hidup dalam kedaifan yang amat sangat dengan satu pertiga kanak-kanak Islam Cameroon menghadapi masalah kekurangan zat makanan dan 60% penduduknya tidak menerima bekalan air bersih.[44] Situasi ini membimbangkan banyak pihak yang khuatir negara-negara yang terlibat di dalam program ini akan mengabaikan kepentingan peruntukan untuk program pembangunan, pendidikan dan kesihatan bagi rakyat mereka.[45]

---

[39] Martin Khor, *Mixed result of G8 summit*, The Star, 11 Julai, 2005, hlm 30. Mark Curtis, *How The G8 Lied to the world On Aid*, The Independent, 23 Ogos 2005, hlm. 8.

[40] Andreas Freytag dan Gernot Pehnelt, *Debt Relief and Changing Governance Structures in Developing Countries*,ECIPE Working Paper No.02/2006,European Centre for International Political Economy (ECIPE), Brussels, 2006, hlm. 14.

[41] Pamea Sparr dan Bruce Jenkins, *The Debt Burden: Is an end in sight?* IFI Info Brief, No.2, Washington DC, Oktober 2005, hlm. 5.

[42] George Monbiot, *A Truckload of Nonsense, The G8 Plan to save Africa with conditions that make it little more than an extortion rocket*, ZNet Corporate Globalisation, 23 June, 2005, hlm. 14.

[43] Micheal Soh, Access to Healthcare vis-à-vis Women's Reproductive Health in Cameroon, *Journal of International Women's Studies*, Vol 9, No.1, November 2007, hlm 3.O.T Mbuagho dan M.A Robert, Roll-Back:Democratisation and Social Fragmentation in Cameroon, *Nordic Journal of African Studies*, Vol 13, No.1, 2004, hlm. 7.

[44] Goldsbrough David, *Does the IMF constrain health spending in poor countries? Evidence and an Agenda for Action*,Center for Global Development, Washington DC, 20 Jun 2007, hlm 18. Michela Telatin dan Josep Hanlon, *Despite Debt Relief: Cameroon faces a new debt trap*, Jubilee Plus, Jubilee 2000 Coaliation Magazine, Februari 2006, hlm. 34.

[45] Geda Alemayehu, *Debt Issues in Africa*,United Nations University Discussion Paper No. 2002/35, WIDER, Helsinki, Mac 2002, hlm. 36.

Apa yang turut dikhuatiri juga ialah sekalipun 100% pelupusan hutang dilakukan, perkara ini masih tidak dapat melupuskan hutang-hutang komersial yang lain.[46] Maka, tidak hairanlah mengapa ramai aktivis ekonomi mula menyuarakan pendapat mereka bahawa Bank Dunia dan IMF hendaklah tidak terlibat dengan urusan ini, sebaliknya menggantikan program ini dengan geran pembangunan. Mereka percaya di era ini, pinjaman kewangan tidak lagi relevan disalurkan atas alasan pembangunan tanpa ada hasilnya.[47]

Jelas sekali, isu sebenarnya dalam soal pelupusan hutang ini terutamanya di negara-negara Islam lebih bercorak serampang dua mata iaitu bermatlamatkan politik dan ekonomi. Disebabkan alasan inilah maka Bank Dunia dan IMF masih terus mengekalkan Inisiatif HICP ini di samping terus menyaksikan negara-negara Islam terutama di Afrika dan Asia Barat berterusan dihimpit derita. Dalam hal ini, Inisiatif HICP adalah satu retorik moden yang akan terus menambahkan masalah hutang negara-negara Islam dan selama itulah kemiskinan negara-negara Islam akan terus menjadi isu untuk diperjuangkan secara serius dan praktikal oleh OIC.

KEBERGANTUNGAN TERHADAP DOLAR DAN SPEKULASI MATAWANG

Selain daripada masalah berkaitan kaedah penyesuaian struktural dan beban hutang, kedudukan negara-negara anggota OIC di dalam senario kewangan antarabangsa masih lagi rapuh dan lemah. Kebergantungan kewangan oleh sebilangan besar negara-negara Islam OIC kepada IMF menggambarkan wujudnya ketidakupayaan pengurusan dana dan penjanaan pendapatan negara oleh negara-negara Islam sehinggakan negara-negara Islam tetap bergantung kepada pinjaman asing untuk pembayaran defisit walaupun diketahui jelas syarat persyaratan (*conditionality*) yang dikenakan oleh IMF.[48] Bukan itu sahaja, kebanyakan negara-negara anggota OIC juga menjadi mangsa inflasi yang teruk akibat daripada defisit kewangan kerajaan di negara-negara terbabit.

Wajar difahami dengan jelas bahawa defisit ini terjadi akibat daripada nilai wang yang dicetak. Untuk negara-negara yang mengalami inflasi yang teruk, nilai wang negara yang dicetak adalah berdasarkan pinjaman bank yang sudah semestinya tidak terkawal dan terjadinya penurunan matawang yang berulangkali akibat tekanan daripada kreditor.[49]

---

[46] Lucio Simpson, *The Role of the IMF in Debt Structuring: Lending Into Arrears, Moral Harzard and Sustainability Concerns*,G-24 Discussion Paper Series,UNCTAD, Geneva, Mei 2006, hlm. 9.

[47] IMF, 13 Februari, 2008, IMF Executive Board Discusses Aid for Trade, Public Information Notice (PIN) No.08/14, http://www.imf.org/external/np/sec/pn/2008/pn0814.htm. (17 Jun 2009). CADTM, *CADTM Outraged at the G8 meanness over the debt*, ZNet Corporate Globalization, 13 Jun 2005, hlm. 2.

[48] SESRTCIC, *Economic Problems of the Least Developed and Land-Locked OIC Countries (2002): External Finance For LDCs*, Thirtieth Islamic Conference of Foreign Ministers, Tehran, 28-31 Mei, 2003, hlm 128. SESRTCIC, *Poverty and Food Insecurity in the OIC Least Developed and Low-income Countries*, SESRTCIC, Ankara, Oktober 2002, hlm. 38.

[49] Luis A.V Catao, Why Real Exchange Rates? *IMF Finance and Development Quarterly*, Vol 44, Number 3, September 2007, hlm 8.Dominick Salvatore, *Problems and Reforms of the International Monetary System*, Meeting of the G8 Research Group on Monetary and Financial Management, Exchange Arrangements and the International Financial System, Rome, 17 Julai 2001, hlm. 6.

Selain daripada itu, spekulasi perdagangan matawang juga dibenarkan oleh sistem tukaran wang yang lazimnya telah menambahkan lagi kepincangan sistem kewangan dan membawa kepada situasi ekonomi yang tercicir di negara-negara Islam terutama yang miskin dan kurang membangun.[50]

Di dalam perbincangan ini sudah semestinya matawang tunggal yang menjadi isu ialah dolar Amerika Syarikat. Dolar adalah matawang tunggal yang digunakan untuk simpanan negara. Sebahagian besar simpanan negara-negara anggota OIC adalah dolar Amerika Syarikat yang digunakan dalam perdagangan eksport, pembiayaan import minyak dan sebagainya.[51] Harus difahami dengan mendalam oleh umat Islam bahawa peranan di antara defisit perdagangan Amerika Syarikat dan sistem dolar adalah saling berkait. Amerika Syarikat telah melakukan defisit perdagangan dan defisit belanjawan hampir dua dekad yang dipanggil benign neglect yang bertujuan mengikat dunia secara keseluruhannya untuk terus bergantung kepada sistem matawang dolar. Selama dunia menerima dolar sebagai matawang yang bernilai, Amerika Syarikat menikmati kelebihan yang unik sebagai satu-satunya negara yang boleh mencetak matawang tersebut. Inilah muslihat yang membuatkan dolar diterima kerana pemakaiannya yang menjadi kemestian di WTO, IMF dan Bank Dunia.[52]

Sebagai contohnya, negara-negara Islam di Afrika seperti Mali, Chad, Mauritania, Mesir dan Maghribi telah dipaksa untuk menggunakan dolar Amerika Syarikat bagi mendapatkan mohor persetujuan IMF bagi tujuan pinjaman.[53] Sementara itu pula, negara-negara Islam yang kaya terutamanya Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu, Qatar dan Bahrain banyak mengumpulkan simpanan yang tinggi jumlahnya di luar negara terutama di negara-negara maju di Eropah dan Amerika Syarikat menggunakan dolar. Simpanan domestik yang didepositkan ke dalam bank tidak digunakan sesama negara-negara Islam, sebaliknya dihantar ke negara-negara asing atas alasan wujudnya pelbagai risiko dan tidak bersedia dengan projek-projek yang dianggap tidak menguntungkan di negara-negara Islam sendiri.[54]

Ini dapat dilihat apabila kebanyakan pelaburan yang dibuat oleh negara-negara Islam yang kaya dilakukan di pasaran kewangan Eropah dan Amerika Syarikat dalam bentuk aset cair.[55] Ironinya, kesemua aset-aset ini terdedah kepada kesemua bentuk risiko

[50] SESRTCIC, Economic Problems of the Least-Developed and Land-Locked OIC Countries, *Journal of Economic Cooperation*, Ankara, 27-3, 2006, hlm. 81.

[51] Professor Rodney Wilson, *Exchange rate issues for Muslim economies*, Workshop on the Contribution of Religion and Culture to Economic and Financial Development, Gulf University for Science and Technology, Kuwait, 12 Februari 2005, hlm 8. Mohamad A.El-Erian, Multiple Exchange Rates: The Experience in Arab countries, *Finance and Development*, Vol 31, No.4, Disember 1994, hlm. 29.

[52] F.William Engdahl, *Crisis of the U.S Dollar System*, The Centre for Research on Globalization, Toronto, 2006, hlm. 2.

[53] George T.Abed dan Hamid R.Davoodi, *Challenges of Growth and Globalisation in Middle East and Africa*,IMF, Washington DC, 2003, hlm. 17.

[54] Muhammad Anwar, Evolution of Euro: Lessons ForMuslim Countries,*International Journal of Islamic Financial Series*, Vol 5 No.2, International Institute of Islamic Business & Finance, 2003, hlm 7.Fakir Ali Abdul-Rasool, *Role of the Arab Monetary Fund in Achieving Arab Monetary Integration*,Arab Monetary Integration:Issues and Prerequisites, Croom Helm, London, 1980, hlm 392.

[55] Stefan Ingves, *From Fixed to Float: Operational Aspects of Moving Toward Exchange Rate Flexibility*,IMF Publication, 19 November, 2004, hlm. 12.

kewangan, risiko komersial, risiko bukan komersial dan risiko politik.[56] Harus diingati kembali bahawa wujudnya risiko kewangan dan risiko komersial yang menyebabkan inflasi, pertukaran asing yang tidak stabil dan penurunan nilai dolar yang serius secara tidak langsung telah menyebabkan aset-aset ini mengalami kejatuhan harga dan penurunan nilai. Ini jelas sekali merugikan negara-negara Islam tersebut dan juga umat Islam keseluruhannya.[57] Terdapat beberapa insiden yang menyaksikan aset-aset negara anggota OIC yang dilaburkan di negara-negara maju dibekukan dan ditahan akibat risiko politik[58] dan yang paling ketara ialah akibat daripada serangan 11 September 2001 yang mengakibatkan aset-aset orang-orang Islam yang dilaburkan di Amerika Syarikat telah dibekukan.

Tiada ganti rugi yang diberikan berhubung kerugian pembekuan aset-aset tersebut sehingga kini.[59] Di dalam hal ini dolar Amerika Syarikat bukan sahaja boleh memufliskan negara-negara Islam yang miskin melalui pinjaman IMF, malah mengurangkan aset-aset orang Islam dari negara-negara Islam yang kaya.

Selain daripada itu, negara-negara Islam OIC juga turut menerima nasib malang mereka apabila seringkali terjadi baki bayaran yang dibuat untuk pembelian produk dan juga kredit yang diberikan kepada negara-negara Islam oleh negara-negara maju ditukarkan dengan bayaran khidmat kaunseling ekonomi, bayaran untuk pakar ekonomi Barat melakukan kajian ekonomi dan penjualan teknologi Barat kepada projek mega di negara-negara Islam.[60] Ini menunjukkan sebarang modal yang dilaburkan di pasaran domestik negara-negara Islam juga disalurkan kepada pasaran asing di peringkat antarabangsa. Secara mudahnya ialah modal hak milik negara-negara Islam akan terus berada di bawah kawalan kuasa asing selagi kebergantungan kepada nilai matawang dolar tidak dapat dikurangkan.

Masalah lain yang turut melanda negara-negara Islam OIC ialah masalah yang berpunca daripada tukaran asing yang berpaksikan kepada dolar Amerika Syarikat apabila rata-ratanya deposit tukaran asing menggunakan dolar untuk pelaburan semula di pasaran antarabangsa.[61] Ini bermakna bank-bank asing mampu untuk menawarkan kadar faedah yang menarik untuk deposit wang tersebut. Situasi ini lebih menyukarkan masalah

---

[56] Jane Sneddon Little dan Giovanni P.Olivei, *Rethinking the International Monetary System: An Overview*,Federal Reserve Bank of Boston, Boston, 1999, hlm. 26.

[57] Abdelali Jbili dan Vitali Kramarenko, *Choosing Exchange Regimes in the Middle East and North Africa*,IMF Publication, New York, September 2003,hlm 13. Abdul Munim Al-Sayyed Ali, *External Economic and Monetary Positions of the Arab Countries and the Role of Financial Surpluses in promoting Arab Monetary Integration, Arab Monetary Integration*: Issues and Prerequisites, Croom Helm, London, 1980, hlm. 315.

[58] Akhbar S Ahmed, *Islam under Siege*,Polity Press, Cambridge, UK, 2003, hlm 45.

[59] Abdus Sattar Ghazali, 23 September 2007, American Muslim Six Year after 9/11,Islamic Research Foundation International Inc,. http://www.irfi.org/articles_1401_1450/american_muslims_six_years_after.htm. (17 Jun 2009).

[60] Paul Cashin, Luis Cespedeo dan Ratna Sahay,1 Mac 2003, Commodity Currencies,IMF Finance and Development Quarterly, . http://www.imf.org/external/pubs/ft/fandd/2003/03/cash.htm. (18 Jun 2009).

[61] Micheal Mussa dan Paul Masson, Jun 2000, Exchange Rate Regimes is an Increasingly Integrated World Economy,IMF Occasional Paper, http://www.imf.org/external/np/exv/ib/2000/062600.htm. (18 Jun 2009)

pengaliran modal dari negara-negara Islam kerana negara-negara Islam lebih banyak terhalang dengan deposit wang yang didominasi oleh tukaran asing yang lebih kuat seperti dolar, euro dan yen.[62]

Secara jelasnya, melalui peraturan kewangan dan matawang antarabangsa yang wujud pada hari ini menunjukkan banyak sekali wang negara-negara Islam yang berada di bawah kawalan badan asing yang bukan sahaja tidak berminat untuk menyuburkan perkembangan ekonomi di negara-negara Islam, malah jika wujud konflik yang bertentangan di antara kepentingan mereka dengan objektif negara Islam, mereka tidak akan ragu-ragu untuk menggunakan kekerasan untuk menghalang objektif umat Islam.Ini dilihat bagaimana Amerika Syarikat membekukan aset badan-badan kebajikan Islam dan negara-negara Islam yang berobjektifkan pembangunan ekonomi dan kehidupan umat Islam atas tiket kempen memerangi keganasan dan tidak pula mendapat bantahan IMF.[63]

Di sebalik mempunyai sumber alam dan sepatutnya modal yang banyak, rata-rata negara Islam masih berpaling kepada pasaran dunia untuk bantuan kewangan yang sudah pastinya akan mengenakan syarat-syarat dan terma yang bersesuaian dengan pegangan kepentingan asing di pasaran kewangan antarabangsa. Negara-negara anggota OIC yang lemah sememangnya bergantung kepada pinjaman asing untuk mengharungi masalah ekonomi mereka dan perkara ini hanya menambah beban mereka untuk membayar pinjaman yang terdahulu. Disebabkan kebergantungan terhadap dolar ini dalam segala aktiviti ekonomi membuatkan ekonomi domestik mereka hilang keteguhan kredit di pasaran wang antarabangsa.[64]

Selain daripada itu, penggantungan matawang juga adalah satu bukti jelas kelemahan negara-negara anggota OIC apabila berlaku krisis matawang ataupun ketika penyelesaian pembayaran berlaku di antara negara-negara OIC dan rakan dagang negara asing yang lain. Sejak kejatuhan Bretton Woods, dolar Amerika Syarikat telah dipersetujui untuk dijadikan matawang tunggal medium pertukaran kewangan antarabangsa. Dolar juga digunakan oleh Amerika Syarikat sebagai senjata untuk mengawal hubungan kewangan dan matawang antarabangsa.[65] Malah Henry Kissenger pernah dengan lantang menyatakan bahawa;

> *Who controls the food supply controls the people; who controls the energy can control whole continents; who controls money control the world.*[66]

---

[62] George S.Tavlas, Jun 1998,The International Use of Currencies: The US Dollar and the Euro, Finance and Development Quarterly, IMF, Vol 35, Number 2, http://www.imf.org/external/pubs/ft/fandd/1998/06/tavlas.htm. (18 Jun 2009).

[63] UN, Security Council authorizes more sanctions against Iran over nuclear issue,17 Januari 2008 ,UN News Center, New York. http://www.un.org/apps/news/story.asp?NewsID=5835&cR=IRAN&Cr1=. (18 Jun 2009).

[64] Horst Kohler, *New Challenges for Exchange Rate Policy*,Asia-Europe (ASEM) Meeting of Finance Ministers, Kobe, Jepun, 13 Januari 2001, hlm 4. Muhammad Anwar,Reorganisation of Islamic Banking, A New Proposal,*American Journal of Islamic Social Sciences*, 4:2, 1987, hlm 299.

[65] J.Lawrence Broz, Political System Transparency and Monetary Commitment Regimes, *International Organization*, Vol 56, No.4 (Autumn 2002), 2002, hlm 873.Jeffry A Frankel, No single currency Regime is Right for all Countries or at all Times,*Essays in International Finance*, No.215, Priceton University, Ogos 1999, hlm 9.

[66] J.Lawrence Broz, Political System Transparency and Monetary Commitment Regimes, *International Organization*, Vol 56, No.4 (Autumn) 2002, hlm 873. Jeffry A.Frankel, *No single currency Regime is Right for all Countries or at all Times*, Essays in International Finance, No.215, Princeton University, Ogos 1999, hlm 9.

Di atas alasan inilah apabila berlakunya krisis matawang di dalam sistem kewangan dunia yang membawa kesan negatif ke atas pertukaran asing dan perdagangan negara-negara Islamlah yang akan terus menderita akibat kebergantungan mereka ke atas dolar untuk transaksi antarabangsa. Ini menjadikan dolar semakin penting dan senang dispekulasikan oleh negara yang mengawalnya tanpa sebarang halangan oleh pihak IMF.[67] Apa yang nyata, negara-negara anggota OIC terus menjadi mangsa ketidakadilan ini.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sememangnya Perjanjian Kewangan IMF kelihatan kukuh di atas kertas. Malah perjanjian tersebut kelihatannya mencukupi bagi mewujudkan kemakmuran dunia melalui kegiatan kewangan dan matawang. Namun begitu, hakikatnya tidak semudah yang disangka. Kepesatan mendadak teknologi dan desakan globalisasi memaksa negara-negara anggota OIC untuk turut serta di dalam kancah persaingan global sekalipun tidak ada satupun negara-negara anggota OIC yang tersenarai sebagai negara maju sehingga ke saat ini. Akibatnya, banyak negara-negara anggota OIC yang terpaksa bergantung kepada belas ihsan IMF untuk terus bertahan dari segi bantuan teknikal dan kewangan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Sebagai balasannya pula, peraturan-peraturan yang ketat dan merugikan negara terpaksa dipilih dengan keterpaksaan membuka pintu politik, ekonomi dan sosial kepada pengaruh dan kepentingan negara-negara Barat. Apabila negara-negara Islam ini yang rata-ratanya miskin dan tidak membangun masih bergantung kepada bantuan luar seperti IMF, amat sukar bagi mereka untuk bersuara bagi memastikan hak-hak mereka di dalam persaingan global didengari apatah lagi diambil peduli.

Apa yang boleh dilihat sekarang ini hanyalah negara-negara Islam bergelut untuk melunaskan hutang mereka, situasi ekonomi yang tidak baik, masalah sosial yang meningkat dan tekanan Barat terhadap negara Islam yang miskin masih tidak berkurang. Kesemua ini menjadikan sebahagian besar negara-negara Islam seolah-olah tidak berdaya saing dan ketinggalan dalam arus permodenan serta kekayaan secara keseluruhannya. Malah, jelas nyata yang majoriti negara-negara Islam masih bergantung erat kepada bantuan Barat untuk meneruskan survival kehidupan seharian.

Kesemua senario ini menyimpulkan bahawa kepayahan yang dihadapi oleh negara-negara anggota OIC adalah jelas disebabkan oleh struktur perjanjian yang dicipta sedemikian rupa dan peraturannya yang tidak menyebelahi kepentingan negara-negara Islam. Ditambah dengan tekanan dan pengaruh Barat yang mendominasi setiap aspek kehidupan hari ini, situasi ini sekadar menambah luka yang sedia ada.

Salawati Mat Basir
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia

msalawati@hotmail.com

[67] J Lawrence Broz dan Jeffry A.Frieden, The Political Economy of International Monetary Relations,*Annual Review of Political Science*, 4, 2001, hlm 327.